

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang Sidang Akademik 1995/96

Jun 1996

PLG 501 - Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan

Masa: [2 jam]

Arahan:

Kertas soalan ini mengandungi DUA bahagian, iaitu Bahagian A dan B. Anda dikehendaki menjawab TIGA (3) soalan dengan menjawab soalan 1 dan DUA (2) soalan lagi dari Bahagian B.

BAHAGIAN A [40 markah]

1. "Students no longer respect teachers, unlike the old days. This is because they know that the teachers cannot do anything to them".

(YB Datuk Seri Najib Tun Razak, The Star, 14.5.96)

Petikan di atas adalah kenyataan YB Menteri Pendidikan Malaysia tentang keseriusan masalah disiplin di kalangan pelajar. Kenyataan tersebut adalah bersabit dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia mendapat pandangan serta pendapat ibubapa tentang pemberian kuasa semula kepada guru merotan murid mereka.

Sekiranya anda adalah seorang pegawai penyelidik di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan di Kementerian Pendidikan Malaysia, dan anda telah dipertugaskan untuk merancang dan menjalankan kajian ini,

- (a) bentuk dan jelaskan beberapa soalan yang anda fikir sesuai dijadikan tumpuan dan objektif kajian ini, dan
- (b) sediakan satu usul (rekabentuk) penyelidikan untuk pelaksanaan kajian ini.

...2/-

BAHAGIAN B [60 markah]

Pilih dan jawab DUA (2) soalan dari bahagian ini:

2. (a) Jelas dengan memberi contoh-contoh dalam konteks penyelidikan pendidikan, DUA daripada kaedah-kaedah penyelidikan berikut:-
- i. eksperimen / separa eksperimen
 - ii. tinjauan (survey)
 - iii. temubual
- (b) Bagi setiap kaedah yang dipilih, bincangkan dua kelebihan dan dua kekurangan yang bersabit dengan penggunaan kaedah itu. Kemudian nyata dan huraikan kaedah penganalisisan yang sesuai digunakan bersamaan kaedah penyelidikan itu.
- [30 markah]
3. 'Sama ada dapatan-dapatan dari sesuatu kajian boleh digeneralisasikan adalah bergantung kepada saiz dan ciri sampelnya'.

Bincang dengan memberi contoh-contoh yang nyata kenyataan di atas.

[30 markah]

4. Dengan merujuk kepada contoh-contoh yang nyata, hurai dan bandingkan TIGA (3) daripada pasangan konsep-konsep berikut:-
- (a) populasi dan sampel
 - (b) triangulasi dan kesahan
 - (c) alat ukur dan soal-selidik
 - (d) hipotesis dan soalan penyelidikan.
- [30 markah]

5. Pendekatan kualitatif merupakan satu pendekatan yang semakin popular digunakan dalam lebih banyak penyelidikan pendidikan sekarang. Nama dan huraikan tiga jenis kaedah yang sering digunakan dalam pendekatan kualitatif ini. Dengan memberi contoh-contoh yang nyata, bincangkan beberapa kelebihan dan kekurangan penggunaan kaedah kualitatif dalam penyelidikan pendidikan.

[30 markah]

--oo0oo--